

Unit pusat membasmi 'red tape' utk pelabur ditubuhkan

KUALA LUMPUR, Selasa — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberitahu hari ini sebuah unit pusat bagi membasmi "red tape" untuk pelabur yang berpotensi sedang ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Bellau yang dilantik sebagai Menteri baru Kementerian tersebut berkata, langkah-langkah ke arah penubuhan ini telah pun dilakukan oleh Dato Seri Hamzah Abu Samah sebelum ini.

Bellau yang pulang dari Amerika Syarikat petang ini berkata, penubuhan yunit ini hasil cadangannya bulan lalu.

"Saya akan melihat sendiri kemajuan yunit ini nanti," kata nya kepada para pemberita.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, apa yang berlaku sekarang seseorang yang berminat melabur modal di negeri ini terpaksa menemui berbagai bentuk orang dan pegawai dan ini kadangkala membuatkan mereka seperti terumbang-ambing.

Tetapi dengan adanya yunit ini nanti, pihak-pihak berkenaan tempatan akan dikumpulkan supaya apa sahaja jawapan yang akan diberi kepada mereka dapat dibuat segera.

Saya tidak mahu pelabur yang berpotensi itu turun naik satu Kementerian ke Kementerian lain untuk mendapat penjelasan dan akaun," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sistem yang ada sekarang telah menghidur wujudnya pelaburan dalam beberapa bidang.

Mengenai perusahan usaha tempatan, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, beliau akan berusaha mengatasi masalah ini.

"Saya akan membuat penelitian mengapa pelabur asing suka melabur di negeri ini, tetapi tidak di kalangan pelabur tempatan sendiri," katanya.

Kata Timbalan Perdana Menteri, beliau bersedia untuk membetulkan keadaan ini jika didapati perlu nanti.

Bellau kemudian memberitahu perhatian utama yang akan dilakukannya sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian nanti ialah untuk memastikan setiap pihak — pabriks, pelabur dan juga mereka yang menganggur — mendapat faedah dari kekayaan yang ada di negara ini.

Menurutnya, Malaysia boleh dianggap sebagai sebuah negara yang makmur di dunia dan oleh itu tidak ada sebab mengapa rakyat negeri ini sendiri tidak boleh menikmati kemakmuran ini.

Mengenai pengantinye sebagai Menteri Pelaburan beliau berkata: "Kena pada orangnya."



● DATO Seri Dr. Mahathir berjabat tangan dengan Menteri Perusahaan Awam, Dato Mohamed Yaacob yang turut menyambut kepulangannya dari Amerika Syarikat semalam. Kelihatan di sebelah bellau ialah Menteri Perumahan dan Perkampungan Baru, Dato Michael Chen. — Gambar Berita Harian.

NO. Lini 1201
No. Perumahan 872/180